

**Teks Ucapan Alu-aluan**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Perasmian Bangunan SUKSIS**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**17 April 2017 (Isnin) | 4.00 Petang**  
**Bangunan SUKSIS**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

### **Salutasi**

Yang DiHormati Profesor Adjung IG Tan Sri Datuk  
Seri Panglima Khalid Bin Abu Bakar,  
Ketua Polis Negara

Yang Dihormati CP Dato' Ramli Bin Din,  
Pesuruhjaya Polis Sabah

Yang Dihormati DCP Dato' Razarudin Bin Husan,  
Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah

Yang Dihormati ACP (KS) Prof. Madya Dr Ismail  
Ali, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni) merangkap Komandan Kor Suksis,  
Universiti Malaysia Sabah

Yang Dihormati Pegawai Kanan Polis Diraja  
Malaysia, Pegawai Utama dan Kanan Universiti,  
Pegawai Kor Suksis serta Barisan Pelatih Kor  
Suksis Universiti Malaysia Sabah dan Hadirin  
Hadirat yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada Majlis Perasmian Bangunan Suksis Universiti Malaysia Sabah petang ini. Kita amat bersyukur dan berbangga kerana pada petang ini Yang DiHormati Prof. Adjung Inspector General Police Tan Sri Datuk Seri Panglima Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara sudi bersama-sama kita dan seterusnya merasmikan bangunan Kor Suksis UMS sebentar saja lagi.

Sesungguhnya, kehadiran Yang DiHormati Tan Sri akan meniupkan lagi semangat kepada pelatih Kor Suksis Universiti Malaysia Sabah ini dan seterusnya melambangkan keprihatinan Yang Dihormati Tan Sri terhadap kecemerlangan ilmu di universiti ini khasnya dan negara amnya.

**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

Suka saya ingin menceritakan serba sedikit sejarah penubuhan Kor Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS) UMS kepada semua tetamu terhormat yang hadir pada petang ini.

Kor Suksis UMS telah ditubuhkan pada 9 Julai 2004 dengan pengambilan pertama platoon lelaki seramai 36 pelatih dan platoon wanita 28 pelatih dengan jumlah keseluruhan melibatkan 64 pelajar tahun 1 dan 2. Proses pemilihan dan pengambilan pelatih telah dibuat pada 15-16 Julai 2004 di bawah penyeliaan Jawatankuasa Pemilih yang dilantik oleh Pesuruhjaya Polis Sabah. Sementara sesi latihan yang pertama telah dimulakan pada 24 Julai 2004 di bawah bimbingan pegawai dan anggota Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kota Kinabalu.

Majlis Pelancaran Kor Suksis dan Pentauliahahan Pegawai Kehormat telah dilaksanakan oleh Yang DiHormati Dato' Sri Musa Bin Dato' Hj. Hassan, Timbalan Ketua Polis Negara pada 9 April 2005. Seramai 5 orang kakitangan UMS telah dilantik sebagai Pegawai Kehormat pada majlis tersebut. Pegawai-pegawai Kehormat itu adalah seperti berikut:

1. ACP Kehormat Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah ke-2.

2. SUPT Kehormat Prof. Madya Dr. Shariff A.K. Omang, Pengarah Pusat Ko-Kurikulum dan Pemajuan Pelajar
3. DSP Kehormat Dr. Jualang @ Azlan Gansau, Pengetua Kolej Kediaman 'A', UMS
4. ASP Kehormat Mohd. Asyraaf Abdullah, Pegawai Belia dan Sukan UMS
5. ASP Kehormat Mohd. Farish Hussain, Penolong Pendaftar (Perhubungan Awam) UMS

Untuk makluman Yang DiHormati Tan Sri, buat masa ini, proses pelantikan serta penubuhan Kor Suksis mengguna pakai Kaedah/Perjawatan Sukarelawan Polis (PVR), Seksyen 34 hingga Seksyen 46 dan Seksyen 77 hingga Seksyen 84 Akta Polis 1967.

Antara objektif penubuhan Kor Suksis UMS ialah:

- a) Sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti kepolisan. Memperkenalkan profesion kepolisan yang menjanjikan kerjaya menarik dan mencabar.

- b) Memberikan pendedahan berkenaan bidang undang-undang dan penguatkuasaan.
- c) Menerapkan nilai disiplin kepolisan yang tinggi.
- d) Mewujudkan kesedaran sivik dan sikap tanggungjawab terhadap agama, bangsa, dan negara.
- e) Membentuk kekuatan fizikal dan mental, sekali gus personaliti yang cemerlang.

f) Mengimbangi pembentukan jasmani, emosi, rohani, dan intelek sesuai dengan kehendak semasa.

### **Hadirin dan hadirat sekalian,**

Pada 17 Mac 2008, satu acara pecah tanah bangunan Kor Suksis UMS telah dijalankan. Acara tersebut telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Noor Rashid Ibrahim. Dengan kos kira-kira RM5 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh UMS, bangunan ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2012.

Sehingga kini, seramai 650 orang pelatih Kor Suksis UMS telah ditauliahkan sejak penubuhannya. Alhamdulillah, kebanyakan alumni UMS, ramai yang telah menjadi Pegawai Polis di seluruh negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, selaku Naib Canselor saya berasa sangat berbangga dengan kesudian Yang DiHormati Tan Sri kerana sudi untuk berkunjung ke UMS dan seterusnya dapat merasmikan bangunan Suksis pada petang ini.

Semoga dengan kehadiran Yang DiHormati Tan Sri dan para pegawai kanan PDRM mengeratkan lagi jalinan dan kerjasama di antara UMS dan PDRM. Kepada semua pelatih, ambillah peluang ini untuk mengutip ilmu kepolisan dari tokoh yang sangat berwibawa dan disegani ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian dan terima kasih.